

Pelaksanaan Pengajaran Guru Seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Negara Brunei Darussalam: Isu Dan Cabaran

Muhammad Haziq bin Haji Shahjahan
Fakulti Sejarah dan Tamadun Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali,
Brunei Darussalam
jicoo@live.com

Dr Adam bin Haji Jait
Pengarah Pusat Teknologi dan Media,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali,
Brunei Darussalam
adamjait@yahoo.com

Vol.3, Issue 1 | January 2020

KATA KUNCI

Pelaksanaan, Pengajaran,
Seni Al-Qur'an. Isu dan
Cabaran.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji Pelaksanaan Pengajaran Guru Seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Negara Brunei Darussalam: Isu dan Cabaran. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti cara pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja. Tujuan kajian ini juga untuk menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi guru dalam pelaksanaan pengajaran seni Al-Qur'an dan merumus langkah-langkah bagi memperkasakan pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Sampel kajian adalah terdiri daripada 2 orang guru seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja di Sekolah Ugama Beribi, Daerah Brunei dan Muara sahaja. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual separa berstruktur, sesi pemerhatian dan analisis dokumen. Data kajian telah di analisis dengan menggunakan program ATLAS.ti versi 7.5.7. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa para guru seringkali menggunakan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan kurang mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik dalam menyampaikan isi pengajaran. Penggunaan alat bantu mengajar seperti projektor juga jarang sekali digunakan. Seterusnya lagi, analisis data daripada kajian ini menunjukkan bahawa para guru dan pihak Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja menghadapi pelbagai masalah seperti aspek kehadiran pelajar-pelajar

Pengenalan

Kitab Al-Qur'an merupakan mukjizat terpenting dan terbesar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang memberi petunjuk dan hidayah kepada seluruh manusia di dunia ini baik petunjuk berupa rohani mahupun jasmani (Hasan Mahmud Al-Hafiz, 1995). Muhammad Nasib Ar-Rifa'i (2000) menyatakan bahawa ayat yang pertama sekali diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Baginda melalui Malaikat Jibril 'Alaihissalam adalah mengenai pendidikan; ia merupakan ayat yang mulia

dan sekaligus sebagai nikmat yang pertama diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hamba-hamba-Nya sepertimana dalam firman-Nya dalam surah al-'Alaq ayat 1-5:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ
عَلَقٍ ۝ ٢ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ ٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ٤
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَم ۝ ٥

Terjemahannya:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya"

Dari ayat tersebut jelas bahawa agama Islam mendorong umatnya agar menjadi umat yang bijak, dimulai dengan belajar membaca, menulis dan diteruskan dengan belajar pelbagai ilmu pengetahuan. Ia juga sebagai peringatan mengenai permulaan terciptanya manusia dari segumpal darah serta tentang nikmat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah mengajarkan manusia terhadap perkara yang tidak diketahuinya. Kadangkala ilmu itu berada pada akal fikiran, terkadang berada pada lisan serta tulisan (Muhammad Nasib Ar-Rifa'i, 2000).

Tradisi pelestarian untuk menjaga kesucian, keutuhan, kemurnian dan kesahihan kitab Al-Qur'an ini masih terus berjalan oleh umat Islam di seluruh dunia termasuk di wilayah-wilayah Melayu sehingga sekarang. Penjagaan tersebut merangkumi semua aspek seperti hafazan, kajian, tafsir, proses pengajaran dan pembelajaran Al-Qur'an kepada generasi seterusnya secara tartil dan bertajwid termasuklah pembacaan dengan berseni ataupun bertarannum seperti yang dimaksudkan dalam kajian ini.

Bagi menjaga keutuhan, kemurnian dan kesahihan kitab Al-Qur'an untuk dapat disampaikan kepada generasi seterusnya, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun menubuhkan sebuah skim pada tahun 1997 yang dinamakan Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja sepertimana yang dapat kita lihat melalui petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada 7 Jamadil Akhir 1434H bersamaan dengan 18 April 2013 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas:

"Menyentuh mengenai dengan bacaan Al-Qur'an secara bertarannum ini, kerajaan Beta melalui Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal

Ugama, telah membuka kelas khas bagi tujuan ini, seperti Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, yang kini telah mula menampakkan hasilnya dengan penampilan para qari dan qariah muda yang baru"

Adapun matlamat skim ini adalah bagi melahirkan pembaca-pembaca Al-Qur'an yang baik dan berkeupayaan di kalangan remaja dan dihasratkan dapat menjadi pelapis qari dan qariah di masa akan datang. Demi mencapai dan merealisasikan matlamat ini, ia adalah bergantung kepada tugas dan tanggungjawab seorang guru. Tugas guru di semua institusi pendidikan perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah dan dengan erti kata lain, seorang guru yang menyampaikan ilmu agama Islam adalah juga seorang pendakwah. Maka sebagai guru yang berperanan sebagai pendakwah, tugas penting mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya terhadap pelajar-pelajar mereka. Ini juga termasuk tugas-tugas guru Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja iaitu untuk mendidik dan membimbing pelajar-pelajar agar mereka mahir dalam bidang Tilawah Al-Qur'an. Oleh itu, kerjaya guru adalah sesuatu kerjaya yang terpenting dalam pembangunan negara selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Majlis Konvokesyen Kesembilan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Selasa, 15 Oktober 2019 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (Pelita Brunei, 2019):

"Kita perlu ingat, bahawa perguruan adalah kerjaya paling utama, kerana dari usaha gurulah lahirnya modal insan professional dalam pelbagai bidang. Guru adalah penyampai pendidikan, sementara pendidikan pula adalah asset terpenting dalam pembangunan negara. Oleh itu, tugas guru ialah mewariskan ilmu kepada anak bangsa"

Insan bernama guru sememangnya banyak menghadapi dan mengharungi pelbagai isu dan cabaran dalam institusi pendidikan termasuklah juga bidang Al-Qur'an ini. Cabaran yang dihadapi adalah berkait rapat dengan terpinggirnya penghayatan roh Islam kesan daripada beberapa perkara antaranya ialah kerana kepesatan pembangunan dan kemodenan di era globalisasi yang tidak seimbang dengan perkembangan rohaniah remaja dan masyarakat (Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris, 2008). Disebabkan cabaran-cabaran yang kian meningkat ini, guru-guru perlu mempunyai kekuatan mental dalam suasana yang lebih global dan bersiap sedia dengan pihak ibu bapa yang semakin agresif serta kelakuan pelajar yang semakin kurang elok. Selain itu, guru perlu mempunyai dan menunjukkan sifat kesabaran yang amat tinggi dan sentiasa berhemah kerana bagi memperlihatkan kepimpinan melalui teladan yang mulia dan berdedikasi tinggi. Guru bukan sahaja menyampaikan isi pelajaran

kepada para pelajar, bahkan ia merupakan pendidik dan profesion yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di samping itu juga, guru perlu mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi terutama bidang komputer bagi meningkatkan lagi kemampuan penyelidikan dan pembangunan bagi membangun dan menyelesaikan permasalahan pendidikan (Esah Sulaiman, 2003: Sidek Baba, 2003: Mohammad Sani Ibrahim, 2005: Hashim Yaacob dan Abdul Jalil Othman, 2007: Nik Aziz dan Noraini Idris, 2008).

Secara ringkasnya, guru memiliki tanggungjawab yang besar bagi menjayakan pencapaian para pelajar di dalam kelas/bilik darjah. Bagi memenuhi tanggungjawab tersebut, guru hendaklah sentiasa bersedia mempersiapkan dan melengkapkan diri dengan berbagai-bagai kemahiran dan kecekapan seperti melakukan penambahbaikan kaedah pengajaran, menguasai teknologi yang diperkukan, mewujudkan suasana yang harmoni dan membina hubungan antara guru dengan pelajar semasa proses pembelajaran (Maulana et. al, 2015: Syafrimen, 2010: Titik Rahayu, 2017). Oleh itu dengan membekalkan diri dari aspek pedagogi, guru akan dapat mengharungi isu dan cabaran yang dihadapi sebagaimana yang dijelaskan iaitu memerlukan guru-guru menyediakan diri mereka untuk menjadi seorang guru pakar, professional, berkesan dan cekap. Melalui kekuatan guru itu, ia membolehkan guru mengharungi cabaran pendidikan seterusnya mampu pula membentuk, membangun dan meninggikan kerohanian para pelajarnya agar dapat mempertahankan tradisi agama, ketinggian budi pekerti dan sahsiah diri.

Pernyataan Masalah

Pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam telah berusaha sedaya upaya untuk memberikan pendidikan sebaik mungkin kepada rakyat Brunei sama ada pendidikan konvensional mahupun pendidikan agama. Dengan berkembangnya pendidikan dari tahun ke tahun, sudah tentu pihak kerajaan menghadapi isu-isu dan cabaran mengenainya. Antaranya yang dapat dilihat melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada malam ketiga hari Khamis 11 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 9 Mac 2017 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (Pelita Brunei, 2017):

"Kerana berdasarkan hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Qur'an dan kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian adalah amat membimbangkan. Kajian telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan

Kementerian Pendidikan, setelah Beta sendiri memintanya untuk dibuat, pada tahun lepas

Ini, tidak dapat disangkal lagi. Kalau guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar juga pasti mengikut lemah dan pincang"

Melalui dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut jelas menunjukkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan telah membuat satu kajian terhadap pelajar-pelajar dalam pembacaan Al-Qur'an. Hasil daripada kajian tersebut telah menunjukkan bahawa pembacaan Al-Qur'an dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tidak memuaskan. Oleh yang demikian, Baginda telah mengarahkan pihak yang berkenaan untuk menyemak semula sistem dan pengajaran guru Al-Qur'an ke atas murid-murid.

Manakala dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Sharon Haji Yussof pada tahun 2016 yang bertajuk *'Tahap Penguasaan Seni Membaca Al-Qur'an Secara Bertarannum Di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Dikalangan Pelajar Di Daerah Brunei Muara: Satu Kajian'* menyatakan bahawa pihak Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja menghadapi masalah dari segi kurikulum. Oleh itu, apakah faktor-faktor atau punca-punca yang menyebabkan terjadinya perkara berikut? Bagaimana ia boleh berlaku? Ini kerana mata pelajaran Al-Qur'an adalah suatu mata pelajaran yang amat penting serta ditekankan setiap tahun terhadap seluruh sekolah-sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya lagi, matlamat yang telah dibina oleh Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja adalah *"melahirkan pembaca-pembaca Al-Qur'an yang baik dan berkeupayaan di kalangan remaja dan dihasratkan boleh menjadi pelapis qari dan qariah di masa akan datang"*. Oleh itu, berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Unit Tilawah Al-Qur'an dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai pengambilan pelajar dari tahun 1997 (sejak mula penubuhan skim) sehingga tahun 2019, keramaian pelajar semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini sememangnya menunjukkan bahawa penubuhan Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja mendapat sambutan yang hangat kepada para remaja. Ini boleh dilihat dari maklumat statistik yang disertakan dalam kajian ini:

Jadual 1: Pengambilan Pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja dari Tahun 1997 Hingga Tahun 2019

PENGAMBILAN	TAHUN	JUMLAH
1	1997	82
2	1998	42
3	1999	44
4	2000	41
5	2002	97

6	2003	86
7	2004	125
8	2005	102
9	2006	158
10	2007	175
11	2008	214
12	2009	275
13	2010	224
14	2011	180
15	2012	393
16	2013	254
17	2014	186
18	2015	119
19	2016	169
20	2017	178
21	2018	195
22	2019	140
Jumlah		3, 479

(Sumber: Bahagian Pelajaran Lanjutan)

Jika dilihat pada statistik tersebut, nampak terlihat jumlah pelajar yang semakin meningkat sehingga mencapai ke angka 3, 479. Namun permasalahan yang timbul pada pandangan pengkaji, hanya segelintir sahaja lepasan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja ini yang menonjolkan diri dalam musabaqah-musabaqah yang telah dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Perkara ini menimbulkan persoalan tentang punca tidak keselarasan bilangan yang terlalu ketara. Hanya segelintir lepasan pelajar sahaja yang dapat mempraktikkannya dan berjaya mencapai matlamat yang telah dibina oleh pihak skim. Di bawah ini adalah statistik kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa orang lepasan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja:

Jadual 2: Senarai Nama Lepasn Pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Yang Mengikuti Pertandingan-Pertandingan/Musabaqah

Wakil Negara Di Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa, Kuala Lumpur	Mohd Fahmi bin Haji Metussin	2006, 2009
	Ak. Mohd Adibul Amin bin Pg Haji Marjuki	2008, 2011, 2012, 2013
	Nurfaezah binti Haji Emran	2007, 2008, 2010, 2011, 2012
Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Akhir Dewasa Kebangsaan	Mohd Fahmi bin Haji Metussin	2005, 2006, 2008, 2009
	Ak. Mohd Adibul Amin bin Pg Haji Marjuki	2007, 2008, 2009, 2012
	Mohammad bin Ali	2005, 2012
	Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah	2006, 2007, 2008, 2009
	Nurfaezah binti Haji Emran	2006, 2007, 2008, 2009, 2011, 2012,
Dyg Norizah binti	2005, 2006	

Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Akhir Belia Kebangsaan	Haji Md. Deli	
	Hajah Norlaila binti Haji Metussin	2005, 2012
	Mohd Fahmi bin Haji Metussin	2002
	Zulhilmie bin Haji Abidin	2003
	Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah	2003, 2006
	Abd Qayyum bin Haji Aminuddin	2003
	Mohd Fikri bin Haji Metussin	2004
	Ak. Mohd Adibul Amin bin Pg Haji Marjuki	2005
	Ak. Mohd Amirul Aiman bin Pg Haji Marjuki	2008, 2009
	Dyg Norizah binti Haji Md. Deli	2003, 2004
	Hajah Farizah binti Haji Kampong	2003
	Hajah Hartinah binti Haji Metussin	2003
Nurfaezah binti Haji Emran	2005	
Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Akhir Institusi-Institusi Pengajian Tinggi	Ak. Mohd Adibul Amin bin Pg Haji Marjuki	2005
	Siti Zaharina binti Haji Abd. Wahab	2005
	Tahirah binti Haji Sulaiman	2005
	Naquiuddin bin Haji Ismail	2007
	Mohd Nur Hadi bin Ismail	2007
Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Universiti ASEAN dan Peraduan Musabaqah Antarabangsa di Russia	Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah	2006
	Mohammad bin Ali	2014

(Sumber: Bahagian Pelajaran Lanjutan)

Berdasarkan Jadual 2 tersebut, dapat dilihat bahawa hanya segelintir lepasan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja sahaja yang giat mengikuti pertandingan-pertandingan membaca Al-Qur'an. Manakala lepasan pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja yang lain pula kurang aktif. Oleh itu, masalah-masalah umum dan khusus yang telah dikemukakan sebagaimana di atas telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian terhadap 'Pelaksanaan Pengajaran Guru Seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, Negara Brunei Darussalam: Isu dan Cabaran'.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah:

- i. Mengetahui pasti cara pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.
- ii. Menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi guru dalam pelaksanaan pengajaran seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.
- iii. Merumuskan langkah-langkah bagi memperkasakan pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.

Kajian Literatur

Kajian mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar seni Al-Qur'an bukanlah suatu perkara yang baru. Kajian literatur merupakan penelitian secara ilmiah terhadap penyelidikan atau tulisan-tulisan yang terdahulu yang boleh di dapati dari pelbagai bahan seperti tesis, disertasi, jurnal, kertas kerja seminar dan sebagainya. Berdasarkan kepada hasil kajian literatur, pengkaji mendapati beberapa hasil penulisan kajian yang berkaitan dengan isu dan cabaran dan pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an yang telah dilaksanakan sebelum ini, antaranya ialah:

Tesis yang telah dibuat oleh Mohd Nahi bin Abdullah (2018) bertajuk '*Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Qur'an Berkesan Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam*' bertujuan untuk mengkaji amalan pengajaran Tilawah Al-Qur'an berkesan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan dalam aspek amalan set induksi, perkembangan pengajaran, kaedah pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan amalan pelaksanaan penutup. Kajian beliau juga mengenalpasti amalan sokongan yang mendorong kepada keberkesanan pengajaran Tilawah Al-Qur'an. Kajian beliau berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif dan disokong oleh data kuantitatif. Seramai lima orang Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan telah dipilih sebagai responden temu bual kajian. Data verbatim temu bual di analisis dengan menggunakan perisian N'Vivo 8.0 bagi mengenal pasti bentuk amalan dan elemen sokongan keberkesanan pengajaran guru dalam pengajaran Tilawah Al-Qur'an berkesan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan. Instrumen soal selidik yang telah digunakan adalah untuk mengutip data dan di analisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences* versi 20.0. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan

bahawa ciri-ciri pengamalan pengajaran Tilawah Al-Qur'an berkesan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan dari aspek amalan set induksi adalah berkait rapat dengan pendekatan memperkenalkan tajuk. Manakala perkembangan pengajaran pula, Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan lebih memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar secara aktif. Dari aspek penggunaan alat bantu mengajar, buku teks telah menjadi rujukan utama dan kaedah pengajaran yang kerap digunakan adalah kaedah Talaqqi Musyafahah. Elemen sokongan keberkesanan pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan dalam Tilawah Al-Qur'an ialah akhlak dan sahsiah guru. Implikasi kajian beliau ini telah menghasilkan enam model amalan pengajaran Tilawah Al-Qur'an berkesan Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Model Amalan Set Induksi, Model Amalan Perkembangan Pengajaran, Model Amalan Pelaksanaan Penutup, Model Amalan Penggunaan Alat Bantu Mengajar, Model Amalan Kaedah Pengajaran dan Model Amalan Sahsiah.

Latihan Ilmiah yang telah dihasilkan oleh Shahron Haji Yussof (2016) yang bertajuk '*Tahap Penguasaan Seni Membaca Al-Qur'an Secara Bertarannum Di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Dikalangan Pelajar Di Daerah Brunei Muara: Satu Kajian*' bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana kemahiran pelajar di dalam pembacaan Al-Qur'an secara bertarannum dan bertajwid, mengenal pasti sejauhmana tahap minat pelajar terhadap seni pembacaan Al-Qur'an secara bertarannum dan mengenal pasti sejauhmana pencapaian para pelajar dalam pembelajaran Al-Qur'an di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja khususnya di Daerah Brunei dan Muara. Hasil dapatan dari data temu bual tersebut menunjukkan bahawa terdapat masalah yang dihadapi oleh pihak skim tersebut. Antaranya ialah tidak mempunyai bangunan yang tetap atau kekal khas bagi Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja dan masalah dari aspek kokurikulum. Manakala hasil dapatan kajian daripada borang soal selidik yang telah diedarkan pula telah menunjukkan bahawa kurangnya minat para pelajar dalam ilmu pembacaan seni Al-Qur'an, tidak menepati waktu kehadiran ke skim dan sesetengah pelajar tidak hadir, kurangnya membuat ulangkaji serta para pelajar lebih mengharapkan tunjuk ajar dari guru sahaja tanpa berusaha untuk menimba ilmu secara sendiri.

Manakala kertas kerja yang telah dihasilkan oleh Robiatul Adawiah binti Jamali dan Tengku Sarina Aini binti Tengku Kasim (2016) bertajuk '*Kajian Pendekatan Pengajaran Tarannum Al-Qur'an Dalam Kalangan Guru Pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam*' bertujuan untuk mengkaji kefahaman guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam mengenai dasar Pendidikan Malaysia dalam pengajaran

tarannum Al-Qur'an. Selain itu, kertas kerja mereka bertujuan untuk mengenal pasti pengaplikasian pendekatan pengajaran tarannum Al-Qur'an dalam kalangan guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam. Kajian mereka adalah kajian kualitatif dengan menjalankan sesi temu bual separa berstruktur serta pemerhatian. Seramai 6 orang guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam telah menjadi peserta kajian dalam kertas kerja mereka. Hasil kajian temu bual menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian bersependapat bahawa perlunya penelitian dan pengetahuan yang mendalam dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Qur'an terutama dalam bidang pengajaran tarannum. Para peserta kajian juga yakin dan percaya bahawa perlunya penggunaan pelbagai pendekatan dan metodologi dalam pengajaran tarannum Al-Qur'an. Manakala hasil kajian pemerhatian mendapati bahawa beberapa peserta kajian telah mengaplikasikan pendekatan deduktif iaitu pengajaran umum kepada spesifik bagi proses pemahaman konsep. Pendekatan lain yang digunakan oleh beberapa peserta kajian pula adalah pendekatan integratif dengan menggabungalinkan beberapa pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran agar pelajar lebih mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan. Selain itu, mereka mendapati bahawa strategi berpusatkan pelajar juga telah digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kertas kerja yang dihasilkan oleh Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim dan Noraini Mohamad (2016) mengenai '*Cabaran Pengajaran Subjek Tilawah Al-Qur'an: Satu Kajian Di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*' adalah bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam mengajar subjek Tilawah Al-Qur'an kepada pelajar yang kebanyakannya tidak ada latar belakang pendidikan agama. Kajian ini juga turut membincangkan tentang pelaksanaan pengajaran subjek Tilawah Al-Qur'an. Instrumen yang digunakan adalah sesi pemerhatian serta analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat cabaran dan permasalahan yang timbul dalam proses pelaksanaan pengajaran Tilawah Al-Qur'an seperti tahap penguasaan pelajar dalam membaca Al-Qur'an di tahap yang sederhana, tempoh masa pembelajaran yang terhad, bilangan pelajar yang ramai, pelajar tidak hadir kelas serta tidak hadir untuk sesi syafawi. Terdapat juga pelajar tidak menghafal surah yang telah ditetapkan atau yang telah di arahkan.

Kajian Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan dan Muhammad Yusuf Marlin B. Abdullah (2015) dengan tajuk '*Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Qur'an: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*' bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran guru pendidikan Islam pada aspek

perancangan dan persediaan pengajaran, set induksi, perkembangan dan penutup pengajaran Tilawah Al-Qur'an. Kajian ini juga meneroka kaedah-kaedah pengajaran dan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru pendidikan Islam dalam pengajaran. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan pada satu tempat iaitu di sebuah Maahad Tahfiz Sains di Selangor. Kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen juga telah dilaksanakan. Data telah dianalisis dengan menggunakan program *Atlas ti* versi 7.5.4. Dapatan kajian menunjukkan guru memperkenalkan tajuk dan meminta pelajar membaca beberapa potongan ayat Al-Qur'an terlebih dahulu setiap kali memulakan pengajaran. Manakala guru akan meminta dan membimbing pelajar untuk merumuskan pelajaran, cara bacaan Tilawah Al-Qur'an dan hukum tajwid pada akhir pengajaran. Hasil kajian terhadap perkembangan pengajaran subjek Al-Qur'an menunjukkan bahawa guru tilawah Al-Qur'an menggunakan pelbagai kaedah dalam kelas.

Kertas kerja Sakri Yusoff dan Ab. Halim Tamuri (2010) yang bertajuk '*Hubungan Minat Dengan Kebolehan Membaca Al-Quran Bertarannum Dan Bertajwid*' telah meneliti sejauhmana hubungan minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Al-Qur'an bertarannum dan bertajwid di sekolah. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai kemahiran pelajar membaca Al-Qur'an secara bertarannum dan bertajwid serta mengenal pasti adanya hubungan signifikan antara minat dengan kemahiran pelajar. Seramai 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan terlibat. Kajian ini telah menggunakan soal selidik dan juga penilaian melalui bacaan Al-Qur'an bertarannum dan bertajwid pada setiap pelajar. Data telah di analisis secara statistik deksriptif iaitu frekuensi (peratusan dan min) digunakan bagi menjelaskan profil responden, minat dan kemahiran membaca Al-Qur'an secara bertarannum dan bertajwid. Statistik korelasi spearman rho juga telah digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap minat belajar Al-Qur'an pada paras tinggi. Manakala hasil ujian pembacaan secara bertarannum dan bertajwid pada tahap sederhana. Kesimpulan kajian menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehan pelajar selain daripada faktor minat. Peranan ibu bapa juga amat penting dalam mempengaruhi prestasi anak-anak mereka.

Kertas kerja yang dihasilkan oleh Hajarul Bahti binti Zakaria et. al. (2010) mengenai '*Isu dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Qur'an Pelajar Bermasalah Penglihatan*' adalah bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi guru Tilawah Al-Qur'an di sekolah menengah Pendidikan Khas dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar yang

mempunyai masalah penglihatan dalam pembelajaran Tilawah Al-Qur'an serta memberikan cadangan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran Tilawah Al-Qur'an untuk pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di sekolah menengah Pendidikan Khas. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual terhadap empat orang guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah menengah Pendidikan Khas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran Tilawah Al-Qur'an terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan seperti tidak ada asas dalam menguasai kod Braille Al-Qur'an bagi guru yang baru, masa yang terhad, pelajar-pelajar tidak mempunyai asas dalam subjek Tilawah Al-Qur'an dan tidak ada alat bantu mengajar yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran Tilawah Al-Qur'an.

Manakala artikel yang ditulis oleh Mohd Aderi Che Noh (t.t) mengenai '*Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru Di Sekolah Menengah Harian Malaysia*' adalah untuk mengenal pasti profil guru Pendidikan Islam, mengenal pasti tahap amalan pengajaran guru dalam Tilawah Al-Qur'an serta mengenal pasti tahap amalan pengajaran guru dalam Tilawah Al-Qur'an berdasarkan komponen permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar. Kajian beliau merupakan kajian lapangan dan telah melibatkan seramai 257 orang responden guru yang mengajar tingkatan dua dari seluruh Malaysia. Responden dikehendaki memberi respon terhadap 69 indikator yang berkaitan dengan amalan pengajaran Tilawah Al-Qur'an berdasarkan empat komponen iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar. Persampelan yang digunakan adalah rawak berstrata dan berkelompok. Instrumen yang digunakan pula adalah soal selidik dengan menggunakan skala Likert Lima. Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min telah digunakan dalam melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa secara keseluruhan amalan pengajaran Tilawah Al-Qur'an berada pada tahap sederhana (min = 0.338). Tahap min amalan pengajaran berdasarkan komponen mendapati komponen permulaan pengajaran (min = 3.461) berada pada tahap sederhana, penutup pengajaran (min = 3.271) berada pada tahap sederhana dan alat bantu mengajar (min = 2.709) berada pada tahap sederhana. Manakala komponen perkembangan pengajaran adalah berada pada tahap tinggi (min = 3.670). Secara kesimpulan, guru Pendidikan Islam sepatutnya sentiasa berusaha untuk menambahbaik pengajaran Tilawah Al-Qur'an dengan cara lebih berkualiti agar para pelajar lebih mahir dalam Tilawah Al-Qur'an.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan. Ini kerana pada masa tersebut berlaku interaksi antara guru dan pelajar dalam usaha guru untuk memindahkan pengetahuan dan kemahiran isi kandungan kepada pelajar. Pada masa ini juga, guru akan menggunakan segala persediaan, alat bantu mengajar, kemahiran pedagogi, pengalaman, ilmu dan keperibadiannya untuk menghasilkan perubahan dan perkembangan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar (Dunkin & Biddle, 1974).

1. Set Induksi

Set induksi merupakan aktiviti terpenting pada permulaan satu-satu sesi pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan dalam set induksi ini mampu mendorong kepada penglibatan para pelajar secara aktif sehingga selesai sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, kegagalan dalam set induksi pula akan mengakibatkan suasana kelas menjadi suram, kurang seronok dan rasa minat pelajar juga tidak dapat dibangkitkan. Secara keseluruhannya set induksi berperanan seperti berikut (Salih & 'Abd al-Aziz, 1999: al-Madkur, 2002)

- i. Menarik minat dan perhatian pelajar terhadap topik pengajaran yang akan disampaikan kepada mereka.
- ii. Pelajar akan berada dalam keadaan bersedia untuk menerima isi pelajaran yang akan disampaikan oleh guru dengan lebih bermakna lagi.
- iii. Merangsang atau menggalakkan para pelajar agar lebih berminat dan melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran secara aktif.
- iv. Pelajar-pelajar akan dapat mengingat kembali isi pelajaran yang lepas.
- v. Menggalakkan para pelajar untuk menyertai pelajaran dengan tekun dan bersemangat.

2. Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran adalah perancangan dan penentuan kaedah serta teknik mengajar untuk mencapai objektif dalam sesuatu pendekatan dengan berkesan. Strategi juga bermaksud perancangan yang dibuat oleh guru sebelum melaksanakan sesi pengajarannya (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Penggunaan pelbagai strategi pengajaran pada masa sekarang adalah amat penting kerana guru-guru menghadapi cabaran dalam mendidik pelajar-pelajar pada global ini. Bagi pengajaran seni Al-Qur'an ini, strategi yang sesuai digunakan adalah strategi berpusatkan guru. Ini kerana menurut Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim dan Mohd Zahir Ahmad (2005) dalam karya *Pedagogi: Strategi dan Teknik*

Mengajar Dengan Berkesan menyatakan bahawa pengajaran seni Al-Qur'an ini lebih banyak menekankan bentuk arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar.

Menurut Ibn Khaldun (2000) dalam karya beliau *Muqadimah Ibn Khaldun*, beliau berpendapat bahawa setiap masalah yang timbul dalam sesi pengajaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, guru hendaklah menyelesaikannya terlebih dahulu sebelum berpindah ke topik yang lain. Perkara ini telah disepakati oleh Mohd Aderi Che Noh (2015) bahawa ia akan dapat membantu para pelajar benar-benar menguasai kandungan pelajaran tersebut.

3. Pendekatan Pengajaran

Pendekatan pengajaran merupakan cara-cara atau langkah-langkah yang diambil kira untuk mendekati sesuatu sebelum memulakan dan melaksanakan sesuatu tugas. Pendekatan juga adalah usaha guru dalam menghuraikan sifat-sifat mata pelajaran yang diajar serta menghuraikan falsafahnya, menghuraikan sesuatu yang kita percaya tetapi tidak boleh dibuktikan secara mutlak (Zawawi Hj. Ahmad, 1988). Contohnya adalah bagaimana guru hendak mencapai objektif pelajaran yang telah dibina dalam sesebuah mata pelajaran yang diajarnya. Menurut Ahmad Mohd Salleh (1997) dalam karya beliau *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, pendekatan yang sesuai digunakan dalam pengajaran seni Al-Qur'an ini adalah pendekatan induktif, kerana pendekatan ini memperlihatkan guru memperdengarkan contoh bacaan kepada pelajar-pelajar dan seterusnya para pelajar mencuba untuk mempelajarinya dan mengaplikasikannya.

Pendekatan induktif adalah suatu pendekatan yang mengutamakan contoh-contoh pada awal pengajaran kemudian dibuat generalisasi daripadanya; ia melibatkan suatu proses penaakulan yang tinggi dimana pelajar-pelajar digalakkan mencari, meneliti dan mempelajarinya kemudian mengemukakan satu rumusan daripadanya (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Adapun ciri-ciri pendekatan induktif adalah seperti:

- i. Menggunakan pengantaraan deria bagi mendapatkan pengetahuan.
- ii. Menguasai sesuatu kemahiran dengan mengulanginya.
- iii. Pelajar-pelajar diberikan peluang sepenuhnya untuk mempelajarinya di bawah bimbingan guru.
- iv. Penglibatan pelajar yang aktif.
- v. Aspek lisan diberi penekanan.

Apabila guru memilih pendekatan yang sesuai, para pelajar akan lebih berminat dan bermotivasi untuk belajar. Ia juga akan dapat membantu guru dalam memilih serta menentukan kaedah-kaedah yang

sesuai untuk digunakan (Mohd Aderi Che Noh, 2015).

4. Kaedah Pengajaran

Pemilihan kaedah-kaedah yang sesuai dalam setiap sesi pengajaran adalah amat penting bagi mendapatkan keputusan dan hasil yang baik dan memuaskan. Kaedah yang dibincangkan ini adalah memberi maksud kepada gaya dan cara penyampaian. Ini juga termasuk pendekatan dan tekniknya. Bagi seorang guru, hendaklah guru tersebut sentiasa mengingati bahawa tidak ada satu kaedah yang sesuai digunakan bagi setiap masa, setiap subjek dan dalam semua keadaan atas sebab tempat, suasana dan umur pelajar (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Begitu juga bagi sesi pengajaran seni Al-Qur'an, ia mempunyai kaedah-kaedahnya yang tersendiri atas sebab sifatnya yang sedemikian rupa dan melibatkan hukum.

Terbentuknya kaedah-kaedah yang khusus bagi pengajaran seni Al-Qur'an ini adalah hasil daripada ilmuan Islam dan sarjana Islam dan sekarang ia telah dikemaskini ataupun digubal daripada pelbagai sistem, teknik dan cara kepada suatu sistem yang mudah diterima oleh pelajar-pelajar (Ghazali Darussalam, 2001). Al-Kailani (1986) berpendapat bahawa pengajaran seni Al-Qur'an itu mempunyai lima kaedah yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru Al-Qur'an. Lima kaedah tersebut adalah:


- i. Pemilihan kaedah hendaklah selaras dengan objektif pengajaran. Ini kerana, bagi mencapai objektif tersebut, guru-guru perlu mengetahui kebaikan dan keburukan dalam penggunaan kaedah yang bakal dilaksanakan. Jika guru tersebut menggunakan kaedah yang kurang memberi kesan terhadap pelajar-pelajar, sememangnya objektif pengajaran yang telah dibina tidak akan tercapai.
- ii. Pemilihan kaedah hendaklah selaras dengan mata pelajaran yang diajar. Ini sememangnya amat penting bagi guru untuk mengambil kira akan keberkesanan kaedah yang bakal dilaksanakan. Jika guru menggunakan kaedah yang kurang memberi kesan kepada pengajaran, maka sesi pengajaran dan pembelajaran akan menjadi kurang menarik.
- iii. Pemilihan kaedah hendaklah bersesuaian atau sepadan dengan usia pelajar. Ini kerana aras pemikiran setiap pelajar adalah berbeza; ada yang mempunyai aras fikiran yang tinggi dan ada juga yang sebaliknya.
- iv. Kemampuan guru untuk mengaplikasikan kaedah yang dipilih. Guru sememangnya hendaklah seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pedagogi, kerana dengan pengetahuan

tersebut akan dapat membantunya dalam melaksanakan kaedah yang telah dipilih dari pelbagai aspek seperti pengawalan kelas

- v. Masa yang cukup apabila mengaplikasikan mana-mana kaedah yang dipilih. Setiap guru hendaklah mengambil kira akan masa yang berjalan dalam kaedah yang telah dipilih. Ini adalah bertujuan bagi tidak banyak membuang masa semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan serta guru juga tidak akan terdengah-gapah ketika di akhir pengajaran, iaitu sesi penutup dan penilaian pengajaran.

Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, Negara Brunei Darussalam

Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja adalah sebuah skim yang telah diperkenalkan pada tahun 1997 dan bergerak dibawah Pentadbiran Unit Bimbingan Al-Qur'an, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam. Jabatan Pengajian Islam adalah sebagai agensi pendidikan agama yang berperanan besar dalam bidang bimbingan, asuhan dan melahirkan pembaca Al-Qur'an yang baik dan sempurna.



Rajah 1: Struktur Organisasi Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Objektif skim ini adalah untuk melatih dan membimbing golongan remaja dalam pembacaan Al-Qur'an dengan bacaan yang betul melalui lagu-lagu Al-Qur'an yang masyhur. Matlamatnya pula adalah untuk melahirkan pembaca-pembaca Al-Qur'an yang baik dan berkeupayaan di kalangan remaja dan dihasratkan boleh menjadi pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam di masa akan datang.

Skim ini berjalan selama 2 tahun iaitu Tahun 1 dan Tahun 2. Bagi pelajar yang menduduki Tahun 1, ia digelar sebagai Pelajar Tahun 1. Manakala pelajar yang menduduki Tahun 2 digelar sebagai Pelajar Tahun 2. Bagi pelajar-pelajar yang telah berjaya memperoleh markah melebihi 80 peratus (gred A dan gred B) semasa menduduki Ujian Penilaian

Tahun 2, mereka akan ditawarkan semula untuk mengikuti Kelas Lanjutan selama setahun di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.

Memandangkan pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja berasal dari keempat-empat buah daerah, maka skim tersebut telah dijalankan di kawasan-kawasan berikut:

- i. Sekolah Ugama Beribi bagi pelajar-pelajar yang tinggal di Daerah Brunei dan Muara.
- ii. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Norain bagi pelajar-pelajar yang tinggal di Daerah Tutong.
- iii. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkia, Seria bagi pelajar-pelajar yang tinggal di Daerah Belait.
- iv. Sekolah Arab Temburong bagi pelajar-pelajar yang tinggal di Daerah Temburong.

Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja adalah sebuah skim yang memfokuskan bacaan Al-Qur'an secara berlagu atau bertarannum dimana pelajar-pelajar skim akan diajar dan dilatih dengan lagu-lagu Al-Qur'an yang masyhur. Rajah 2.3 dibawah ini menunjukkan kurikulum yang terdapat di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja:

Tarannum Al-Qur'an
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar akan diajar dan dilatih dengan lagu-lagu Al-Qur'an iaitu Bayyati, Soba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah dan Jiharkah. • Dalam setahun, pembelajaran pelajar akan diajarkan dua Maqra' dan pelajar akan menghafal Maqra' tersebut dengan bacaan berlagu (tarannum)
Tajwid
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar akan diajarkan hukum-hukum tajwid secara teori dan praktikal.
Murattal
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar akan diajar cara bacaan murattal secara lebih sempurna dengan mempraktikkan hukum tajwid dan pendedahan lagu-lagu secara murattal berpadukan bacaan dan qari-qari Mesir yang masyhur.
Tausyeh
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar akan diajarkan dengan pelajaran tausyeh lagu-lagu Al-Qur'an secara hafalan. • Disamping itu juga akan ditambah dengan lagu-lagu tausyeh umum.

Rajah 2: Kurikulum Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Disamping itu juga, terdapat juga latihan-latihan tambahan yang akan diajarkan kepada pelajar-pelajar iaitu:

- i. Latihan peserta qari dan qariah remaja yang berpotensi seminggu sekali.
- ii. Latihan asas senaman pernafasan dan teknik pengeluaran suara dalam musabaqah; ia dilakukan 15 minit sebelum memulakan pelajaran (sama ada di dalam kelas/dewan/kawasan lapang).
- iii. Perkumpulan di dewan dinamakan Halaqah Tilawatil Qur'an. Perkumpulan tersebut di isi dengan ceramah, latihan dan persembahan bacaan Al-Qur'an di atas pentas secara individu ataupun

berkumpulan. Halaqah Tilawatil Qur'an ini juga diajarkan lagu-lagu tausyeh umum secara beramai-ramai.

- iv. Menubuhkan badan dikir, nasyid dan tausyeh bagi menambahbaik kemahiran pelajar dalam seni suara. Pelajar akan dilatih oleh beberapa orang guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu.

Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih jenis reka bentuk kajian kes. Kajian kes ini melibatkan pengumpulan maklumat yang ekstensif untuk memahami sesuatu entiti yang di kaji. Kajian ini juga bermaksud sebagai kajian empirik yang mengkaji sesuatu fenomena yang kontemporari dalam konteks realiti (Seidman, 1991: Huberman & Miles, 1994: Sabitha Marican, 2005: Merriam, 1997). Pengkaji percaya dengan menggunakan pendekatan ini, ianya mampu menjawab persoalan kajian mengapa dan bagaimana sesuatu peristiwa itu terjadi melalui penerangan secara holistik tanpa apa-apa manipulasi dari pengkaji.

Perkara ini dapat diperkukuhkan lagi dengan pernyataan yang telah dikemukakan oleh Patton (1990) serta Hitchcock dan Hudes (1995) bahawa menerusi kajian kes ini, pengkaji dapat menyiasat sesuatu unit sosial yang kompleks secara menyeluruh dan mendalam. Yin (1994) juga menyatakan bahawa pengkaji juga akan dapat memaparkan sesuatu peristiwa sebenar yang berlaku, di lihat dan di alami dalam persekitaran yang di kaji.


Dengan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif ini, ia bukan sahaja membolehkan pengkaji bertemu dengan peserta kajian, malahan pengkaji dapat memahami secara langsung apa yang sedang berlaku dan juga berinteraksi dengan mereka (Yin, 1994). Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat penyelidikan di Sekolah Ugama Beribi, Daerah Brunei dan Muara sahaja. Antara sebab-sebab pengkaji hanya memilih sebuah sekolah untuk dijadikan sebagai lokasi kajian kerana (Taylor dan Bogdan, 1994):

- i. Mudah dan boleh dimasuki.
- ii. Terdapat situasi yang kaya dengan proses melalui peserta kajian, program, interaksi dan struktur yang di minati oleh peserta kajian.
- iii. Kualiti dan kredibiliti data yang diperoleh agak terjamin.

Sampel kajian adalah seramai dua orang guru seni Al-Qur'an untuk di temu bual separa berstruktur, sesi pemerhatian dan analisis dokumen. Pemilihan

sebanyak dua orang guru Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja ini juga adalah memadai menurut Sabitha Marican (2005) dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2009) kerana penekanan kajian kualitatif bukan kepada jumlah peserta kajian, tetapi aplikasi pelaksanaan yang spesifik yang telah dilakukan oleh peserta kajian. Selain itu juga, pengkaji hanya menetapkan pencarian dan pemilihan seramai dua orang guru Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja adalah berdasarkan kepada pengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun serta pernah mengajar Kelas Lanjutan. Kelas Lanjutan adalah merupakan kelas yang mempelajari ilmu tarannum secara lebih mendalam (*advanced*) berbanding Tahun 1 dan Tahun 2.

Bagi mendapatkan data-data yang berhubungkait dengan Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, pengkaji telah mendapatkannya melalui buku-buku, dokumen-dokumen dan bahan-bahan bercetak yang dapat menyumbangkan maklumat serta penjelasan mengenai kajian yang dijalankan. Melalui bahan-bahan tersebut, pengkaji dapat menghuraikan isi-isi yang berkaitan dengan tajuk kajian serta membuat kesimpulan. Memandangkan instrumen temu bual adalah sebagai data utama dalam kajian ini, maka pengkaji telah membuat transkripsi dan analisis data temu bual dengan menggunakan program Atlas.ti versi 7.5.7. Pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji adalah jenis pemerhatian bukan peserta (*non-participant observation*) secara berstruktur.



Rajah 3: Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif

Dapatan Kajian

1. Persoalan kajian ini ialah berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an.

- a. Aspek persediaan pengajaran

Sebelum memulakan sesi pengajaran, G1 dan G2 hanya membuat persediaan pengajaran dengan

berpandukan kepada sukatan pelajaran yang telah diberikan oleh pihak Unit Tilawah Al-Qur'an Dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan dengan menguasai isi pelajaran yang bakal disampaikan seperti kata-kata G1:

"Kalau permulaan memanglah, dari step yang pertama. Misalannya mengajar dari lagu Bayati. Sudahnya minggu dapan selepas Bayati, memang andang bersedia dengan lagu seterusnya macam lagu Soba, seterusnya lagu Hijaz. Memang sudah ada persiapan awal itu, apakah di ajar itu bah untuk hari ini. Skim ada aa panduan itu. Surah apa. Tapi anda pulang ia menentukan ayat berapa. Misalannya surah Al-Baqarah, tani tah saja sendiri memilih. Umum saja tu. Lapas itu lagunya Bayati, Soba, Hijaz cematu susunannya. Next step karang yang Tahun 2, ataupun maqra kedua, Bayati, lagu Hijaz kah seterusnya cematu."
(G1: 48)

Manakala hanya G2 sahaja yang merancang pengajaran dengan mengikut tahap kemampuan pelajar dengan mengajarkan pelajar-pelajarnya beberapa tambahan dalam pembawaan lagu-lagu Al-Qur'an (G2: 42).

b. Aspek set induksi pengajaran.

Secara umumnya, dua orang peserta kajian bersetuju bahawa mengulang semula isi pelajaran yang lepas dan penggabungan set induksi imbasan isi pelajaran yang hendak di ajar dengan membuat kaedah demonstrasi adalah cara yang kerap kali digunakan dalam pengajaran mereka dengan tujuan untuk menarik minat dan perhatian para pelajar (G1: 54), (G2: 54). Manakala G2 juga membuat tambahan dalam pelaksanaan set induksi nya iaitu dengan melaksanakan latihan suara seperti kata-kata beliau: *"Latihan suara macam contoh untuk ku mengenalkan durang tingkatan suara, ku pakai do re mi fa so la si do (menunjukkan contoh tingkatan suara dari nada rendah hingga nada tinggi)."*
(G2: 48)

c. Aspek metodologi pengajaran dan pembelajaran.

Dalam aspek ini, pengkaji telah membahagikannya kepada dua pendekatan iaitu, pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Dalam pendekatan pengajaran berpusatkan guru, G1 dan G2 sepakat menyatakan bahawa mereka menggabungkan kaedah demonstrasi dengan teknik soal jawab dalam pengajaran mereka (G1: 57), (G2: 57). Manakala G2 juga membuat tambahan dalam pengajarannya dengan menggunakan kaedah targhib wa tarhib seperti kata-katanya:

"Kalau mengaji bertarannum Al-Qur'an ani, satu, kalau dengan feeling ani, ia dipanggil zauk. Dua dengan emosi. Kalau dengan zauk, kitani nyaman rasa, orang yang mendengar Insya Allah nyaman rasa. Tapi kalau dengan emosi, kitani seorang saja merasa tu, yang lain sakit telinga, pasal terais terais. Jadi ustaz anda mau kamu yang emosi, tapi mau kamu dengan yang ada zauk."
(G2: 57)

Dalam pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar pula, dua orang peserta kajian bersetuju menyatakan penggunaan kaedah latihan tubi seringkali digunakan pada setiap pengajaran mereka (G1: 57) (G2: 57). Mereka juga turut menyatakan bahawa penggunaan kaedah ini akan terus dipraktikkan sehingga para pelajar benar-benar dapat menguasai lagu Al-Qur'an tersebut sebelum berpindah mempelajari lagu Al-Qur'an yang seterusnya. Berdasarkan dari sesi pemerhatian pengkaji, penggunaan kaedah latihan tubi ini dilaksanakan mengikut susunan lagu dan secara berperingkat-peringkat. Contohnya penggunaan kaedah ulangan/latihan tubi ini digunakan semasa pelajar-pelajar mempelajari Harakat ketiga (Jawab) lagu Al-Qur'an. Peserta kajian akan terus melaksanakan kaedah ulangan/latihan tubi ini hingga pelajar-pelajar dapat menguasai Harakat ketiga (Jawab) tersebut sebelum berpindah kepada Harakat seterusnya iaitu Harakat keempat (Jawab al-Jawab).

Penggunaan kaedah latihan tubi ini juga turut digabungkan dengan kaedah simulasi oleh G1 (G1: 66) iaitu dengan melakukan latihan pernafasan seperti tatacara mengeluarkan nafas ketika melakukan Harakat Jawab al-Jawab dan sebagainya. G1 turut menjelaskan bahawa latihan pernafasan pada setiap Harakat adalah perlu kerana bagi menjaga makhraj huruf dari segi barisnya, menjaga fasahah serta bagi tidak membuang terlalu banyak nafas ketika melakukan Harakat Jawab dan Harakat Jawab al-Jawab.

Penggunaan kaedah bengkel juga turut dilaksanakan oleh dua orang peserta kajian seperti mengajarkan pelajar-pelajar mereka lagu Tausyeh wajib dan Tausyeh bebas (G1: 66), (G2: 60).

d. Aspek penutup pengajaran

Semasa sesi penutup pengajaran, G1 pada kebiasaannya akan memberikan para pelajar kerjanya dengan mengarahkan pelajar-pelajarnya untuk berlatih membaca Al-Qur'an secara berlagu di rumah untuk di semak pada minggu hadapan. G2 (G1: 69). Manakala G2 melaksanakan penutup pengajaran dengan menyemak bacaan para pelajar dengan memilih beberapa orang pelajar untuk tampil ke hadapan agar mempersembahkan bacaan yang telah di pelajari (G2: 66).

e. Aspek penggunaan alat bantu mengajar

Analisis dapatan temubual menunjukkan bahawa dua orang peserta kajian menggunakan pelbagai alat bantu mengajar sewaktu dalam kelas mereka seperti kitab Al-Qur'an, mikrofon dan alat pembesar suara (*speaker*), papan putih dan telefon bimbit/iPad. Penggunaan telefon bimbit/iPad juga adalah sebagai ganti kepada merujuk kitab Al-Qur'an dengan memuat turun aplikasi Al-Qur'an.

2. Persoalan kajian ini ialah berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi guru seni Al-Qur'an.

Hasil dapatan temu bual seperti dalam Jadual 3 di bawah ini menunjukkan terdapat 4 permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja.

Bil	Isu dan Cabaran	G1	G2
1	Kehadiran Pelajar	X	X
2	Bakat Pelajar	X	X
3	Pelajar Sukar Mengaplikasikan Lagu	X	X
4	Pelajar Pemalu	X	X

Jadual 3

Kehadiran pelajar adalah menjadi salah satu permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian (G1: 117) dan (G2: 75). Mereka telah memberikan jawapan yang sama mengenai punca pelajar-pelajar mereka tidak hadir ke Skim Tilawah Al-Qur'an seperti ada kelas tambahan, membuat ulangkaji bagi menduduki peperiksaan, membuat kerja rumah yang telah diberikan oleh sekolah, menjadi wakil sekolah untuk pertandingan bola sepak di dalam negeri mahupun luar negeri, tidak ada kenderaan untuk hadir ke Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja dan sebagainya.

Antara permasalahan yang lain pula adalah bakat pelajar (G1: 111-126) dan (G2: 75). Bagi G1 dan G2, bakat yang dimaksudkan adalah dari segi suara pelajar seperti kemerduan dan kelunakan suara mereka dan sebagainya. Mereka mempersoalkan bagaimanakah sesetengah pelajar yang kurang berbakat itu boleh memasuki Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja sehinggakan mereka menghadapi kesukaran untuk menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar-pelajar tersebut. G2 turut menjelaskan dengan lebih lanjut lagi bahawa pelajar-pelajar kelihatan tidak begitu berusaha untuk memperbaiki suara mereka walaupun G2 telah memberi inisiatif kepada mereka seperti kata-kata beliau:

"Ku suruh durang kenal kriteria suara durang sendiri untuk mengenali jenis-jenis irama naghama mana yang boleh durang bawa. Iatah isu nya durang inda kenal. Sama ada inda kenal atau inda mau kenal atau malas kan kenal"

(G2: 75)

Masalah pelajar sukar mengaplikasikan lagu Al-Qur'an saling berkait rapat dengan masalah bakat pelajar (G1: 111) dan (G2: 76). Ini kerana bagi seseorang pelajar itu mudah mengaplikasikan lagu Al-Qur'an yang di ajar, ia bermula dari bakat pelajar itu sendiri. G1 dan G2 juga menerangkan bahawa pada kebiasaannya mereka hanya akan terus menggunakan kaedah ulangan/latih tubi terhadap pelajar-pelajar tersebut serta memberikan semangat dan motivasi untuk pelajar-pelajar itu terus berusaha sehingga dapat melakukannya.

Permasalahan yang terakhir yang dihadapi oleh dua orang peserta kajian ialah menghadapi pelajar-pelajar yang mempunyai sifat malu (G1: 111) dan (G2: 75). Kebanyakan pelajar-pelajar yang dihadapi oleh G1 dan G2 tidak mahu mengikut perintah guru apabila di suruh membacakan ayat Al-Qur'an. G1 menyatakan masalah ini seringkali berlaku terhadap pelajar-pelajar perempuan sehinggakan mereka meminta semua pelajar-pelajar lelaki untuk keluar dari bilik darjah/kelas buat sementara waktu agar pelajar-pelajar perempuan itu boleh melakukan arahan G1. Ini terbukti dari kata-kata beliau:

"Mun masalah bini-bini, kebanyakan isu ku, durang ani inda mau besuara. Aa pemalu. Macam nyangku ada yang menyuruh laki-laki keluar, disuruhnya ku jauh sedikit. Sudah ku bagi mikrofon, di baginya tia pulang arah kawannya."

Ani isu yang rata-ratanya lah yang durang pemalu, pemalu yang bukan di tempatnya lah. and then ada yang disuruh, inda ia mau. Disuruh bawa harkat ani, ia tah pulang becakap "harkat lapas ani, aku mau. Yang ani, inda ustaz".

Ia inda mau harkat yang tinggi, tapi mau yang harkat rendah sedangkan aku menyuruh ia yang harkat tinggi, supaya suara durang itu lapas. Lelaki kurang sikit lah, bini-bini pulang banyak. Kadang ia pulang merunding bah tu "ia dulu ustaz aa, aku minggu dapan saja"

(G1: 111)

3. Persoalan kajian ini ialah berkaitan dengan merumus langkah-langkah bagi memperkasakan pengajaran guru seni Al-Qur'an.

- i. Menyediakan sebuah bas khas bagi pelajar-pelajar skim terutama pelajar-pelajar yang tinggak di asrama sekolah Arab kerana mereka mempunyai kesukaran dalam aspek kenderaan.
- ii. Mengetatkan peraturan dan disiplin terhadap para guru dan para pelajar dari segi kehadiran ke Skim Tilawah Al-Qur'an

- Remaja agar tidak memandang ringan terhadapnya.
- iii. Membina sistem rubrik pemarkahan dalam bacaan seni Al-Qur'an terhadap pelajar-pelajar agar dapat menggalakkan mereka membuat ulangkaji di rumah dan sentiasa memajukan potensi mereka.
- iv. Mempelbagaikan kaedah pengajaran serta penggunaan alat bantu mengajar dalam menyampaikan isi pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru seni Al-Qur'an di Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja tidaklah menunjukkan sesuatu yang begitu memberangsangkan. Bahkan dalam bahagian tertentu seperti pendekatan, kaedah dan teknik dan alat bantu mengajar, dapatan kajian menunjukkan para peserta kajian gagal dalam mempelbagaikan penggunaannya. Penggunaan alat bantu mengajar merupakan aspek terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia mampu menarik perhatian pelajar. Dengan penggunaan alat bantu mengajar, ia juga dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh para peserta kajian seperti pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya, pelajar menjadi berminat untuk belajar, kehadiran pelajar akan meningkat kerana proses pengajaran dan pembelajaran adalah menyeronokkan dan sebagainya.

Bibliografi

Al-Qur'an Al-Karim.

Al-Kailani, Taysir, Iyad & Mulhim (1986). *Al-Taujih al-Fanni fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lebanon.

Al-Madkur, 'Ali Ahmad (2002). *Manhaj al-Tarbiyyah fi al-Tasawwur al-Islami*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mohd Salleh (2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & J-QAF*. Ed. 2. Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Dunkin, M.J. & Biddle B.J. (1974). *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Ghazali Darussalam (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Hajah Rasinah binti Haji Ahim (2016). *Reka Bentuk Penyelidikan*. Nota Kuliah PG6104 Metodologi Penyelidikan. Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Hajarul Bahti Binti Zakaria et. al. (2010). *Isu dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Qur'an Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Joint Conference UPI & UPSI. Bandung: Indonesia.

Hasan Mahmud Al Hafiz (1995). *Bimbingan Wahyu Ilahi: Mengenal Qiraat Al-Quran Seni Kalamullah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Hashim Yaacob & Abdul Jalil Othman (2007). *Dunia Pendidikan Dalam Era Globalisasi: Peranan dan Cabaran. Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 30(1): 143-149.

Hitchcock, G. & Hughes, D. (1995). *Research and The Teacher: A Qualitative Introduction to School Based Research*. 2nd Edition. London: Routledge.

Huberman, A.M & Miles, M.B (1994). *Qualitative Data Analysis: A Source Book of New Methods*. Beverly Hills, CA: Sage.

Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami (2000). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maulana, R. Helms-Lorenz, M & Van De Grift, W (2015). *A Longitudinal Study of Induction on the Acceleration of Growth in Teaching Quality of Beginning Teachers Through the Eyes of Their Students*. Journal of Teaching and Teacher Education. 51: 225-245.

Merriam, S.B (1997). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

- Mohammad Sani Ibrahim (2005). *Perkembangan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat: Satu Tuntutan dan Satu Kemestian*. Dlm. Kamarulzaman Abdul Ghani et. al (pnyt). *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4 Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kerajaan Negeri Melaka, 7-18.
- Mohd Aderi Che Noh (t.t). *Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru Di Sekolah Menengah Harian Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1 (1).
- Mohd Aderi Che Noh (2015). *Pengajaran & Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia*. Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izham Mohd Hamzah (2009). *Pengurusan Proses Terancang Dalam Pembestarian Sekolah Proses Pelaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nahi Bin Abdullah (2018). *Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran Berkesan Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Tamadun Islan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Yusuf Ahmad (2004). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. (2016). *Cabaran Pengajaran Subjek Tilawah Al-Qur'an: Satu Kajian Di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Seminar Antarabangsa Aqidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad Nasib Ar-Rifa'i (2000). *Kemudahan Dari Allah – Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir Jilid 4 (Surah ash-Shaaffat – an-Naas)* Syihabuddin (Pent.), Jakarta, Gema Insani Press.
- Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris (2008). *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. 2nd Edition. Newbury Park. CA: Sage Publications.
- Robiatul Adawiah binti Jamali, Tengku Sarina Aini binti Tengku Kasim (2016). *Kajian Pendekatan Pengajaran Tarannum Al-Qur'an Dalam Kalangan Guru Pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam*.Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim, Mohd Zohir Ahmad (2005). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Salih, 'Abd al-Aziz & 'Abd al-Aziz, 'Abd al-Majid (1999). *Al-Tarbiyyah wa al-Turuq al-Tadris*. Al-Qahirah: Dar al-Maarif.
- Seidman, I.E. (1991). *Interviewing as Qualitative Research*. New York: Teachers College Press.
- Shahron Hj Yussof (2016). *Tahap Penguasaan Seni Membaca Al-Quran Secara Bertarannum Di Skim Tilawah Al-Quran Remaja Dikalangan Pelajar Di Daerah Brunei Muara: Satu Kajian, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*.
- Sidek Baba (2003). *Globalisasi dan Cabaran Pendidikan Dalam Memahami Isu-Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Syafrimen (2010). *Pembinaan Modul Eq Untuk Latihan Kecerdasan Emosi Guru-Guru Di Malaysia*. Jurnal Pendidikan.
- Titik Rahayu (2017). *Kualiti Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran STEM di Sekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Yin, R.K (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. 2nd Edition. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Yusoff, S & Tamuri, A.H (2010) *Hubungan Minat Dengan Kebolehan Membaca Al-Quran Bertarannum Dan Bertajwid*. 1st International Conference on Islamic

Education 2010. Holiday Villa Hotel & Suites
Subang, Malaysia.

Zawawi Hj. Ahmad (1988). *Strategi Pengajaran Agama Islam KBSM*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan dan Muhammad Yusuf Marlin B. Abdullah (2015). *Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Qur'an: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

"Majlis Konvokesyen Kesembilan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Bagi Tahun 1441H/2019M"

<http://www.pmo.gov.bn/PMO%20Pages/Titah-View.aspx>.

<http://www.pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=348&Source=http%3A%2F%2Fwww%2Epmo%2Egov%2Ebn%2FPMO%2520Pages%2FTitah%2DView%2Easpx&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34>

"Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438H/2017M"

<http://www.pmo.gov.bn/PMO%20Pages/Titah-View.aspx>.

<http://pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=273&Source=http%3A%2F%2Fpmo%2Egov%2Ebn%2FPMO%2520Pages%2FTitah%2DView%2Easpx&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34>